

Antara Mengadaptasi Mekanisme Barat dan Mempertahankan Epistemologi Islam dalam Mendepani Wabak: Suatu Refleksi Historis Abad Ke-19

Navigating Western Mechanisms and Islamic Epistemology amid Epidemics: A Nineteenth-Century Historical Reflection

Nurul Abrar Md Isa ^{a*}, Farahwahida Mohd Yusof ^b, Akmaliza Abdullah ^a

^aAcademy of Islamic Civilisation, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia, 81300 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia.

^bCentre of Research for Fiqh Science & Technology (CFiRST), Universiti Teknologi Malaysia, 81300 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia.

*Corresponding author: nurulabrar@graduate.utm.my

Article history

Received: 2026-01-14 Received in revised form: 2026-05-25 Accepted: 2026-06-02 Published online: 2026-06-30

Abstract

Epidemics often bring latent epistemological tensions across civilizational traditions into sharp relief, including those between Islam and the West. Although epidemic-control mechanisms developed within Western scientific traditions are commonly presented as universal and objective, their adoption has repeatedly posed dilemmas among Muslim societies concerning their legitimacy, applicability and epistemic consequences. This article examines these dilemmas through a content analysis of two nineteenth-century historical texts. The first, Hamdan Khodja's "*Ithāf al-Munṣifin wa al-Udabā' bi-Mabāḥith al-Ihtirāḥ 'an al-Wabā'*" (1836), is analysed as a Muslim intellectual response to epidemic-control measures introduced under French colonial rule in Algeria. Khodja acknowledges the practical efficacy of Western scientific methods, yet remains sharply attentive to the worldview that undergirds them. His position foregrounds the central dilemma of how Muslim societies might appropriate useful health mechanisms without succumbing to secular-mechanistic epistemology. This tension is further examined through Donkin et al.'s "*The Cholera and Hagar's Well at Mecca*" (1883), a colonial dossier of correspondence among British officials and medical experts. The text shows how British authorities mobilised scientific discourse through claims concerning the contamination of Zamzam water, supported by selective data, pejorative rhetoric and methodological opacity in order to advance a broader colonial narrative. Such practices reveal how scientific inquiry, when embedded within imperial structures of power, could become an instrument of epistemic colonisation. By placing these two texts in conversation, this article argues that the distinction between mechanism and epistemology could not be negotiated on equal terms under colonial conditions. The colonial entrenchment of Western epistemology rendered any attempt to reconcile the two inherently fraught and structurally asymmetrical from the outset. This article therefore calls for the development of autonomous health mechanisms grounded in Islamic onto-epistemology, so that future Muslim engagement with public health may proceed without being drawn back into recurring patterns of Western hegemony.

Keywords: Islamic epistemology, colonialism, Western mechanisms, epidemic management

Abstrak

Cetusan wabak acapkali mempertembungkan kerangka epistemologi antara berbagai peradaban, tidak terkecuali antara Islam dan Barat. Meskipun mekanisme pencegahan wabak dalam tradisi sains Barat didakwa bersifat sejagat dan objektif, ia kerap menimbulkan dilema dalam kalangan umat Islam berhubung isu kebolehlaksanaannya. Bagi merungkai keseliratan ini, penelitian dijalankan untuk menuntaskan status pengadaptasian mekanisme kesihatan Barat dan implikasi epistemik yang terbit daripadanya, melalui kaedah analisis kandungan terhadap dua teks sejarah. Teks pertama, *Ithāf al-Munṣifin wa al-Udabā' bi-Mabāḥith al-Ihtirāḥ 'an al-Wabā'* (1836) karya Hamdan Khodja (1773-1842), dianalisis untuk menelusuri pendirian pemikir

Muslim ketika berhadapan dengan mekanisme pencegahan wabak yang diperkenalkan oleh kolonial Perancis di Algeria. Khodja memperlihatkan keterbukaan terhadap manfaat praktikal sains Barat, namun dengan kewaspadaan kritis terhadap pandangan alam yang mendasarinya. Pun demikian, timbul masalah susulan apabila umat Islam perlu berhadapan dengan implikasi epistemik yang dibawa bersama adaptasi tersebut. Ketegangan epistemologi ini seterusnya dianalisis menerusi teks kedua berjudul “*The Cholera and Hagar’s Well at Mecca*” oleh Donkin et al. (1883), berupa kompilasi surat-menyurat antara para pegawai dan pakar perubatan British. Teks ini menyingkap bagaimana dakwaan pencemaran air Zamzam yang dihasilkan melalui manipulasi data, retorik pejoratif dan ketidaktelusan metode begitu sarat dengan unsur penjajahan epistemik. Pergulatan historis yang memperlihatkan dilema persempadanan antara soal mekanisme dan epistemologi ini justeru mengindikasikan bahawa, hegemoni Barat yang berpijak selama ratusan tahun menerusi gelombang kolonialisme telah menjadikan inisiatif untuk mengimbangi dilema tersebut sebagai suatu premis yang sarat dengan konflik dan tidak serasi secara asalnya. Maka, pembangunan mekanisme kesihatan mandiri berasaskan onto-epistemologi Islam perlu diimarahkan, agar keterlibatan dengan domain kesihatan awam tidak lagi terperangkap dalam lingkaran hegemoni Barat secara berulang.

Kata Kunci: epistemologi Islam, kolonialisme, mekanisme Barat, pengurusan wabak

1.0 PENDAHULUAN

Wabak merupakan fenomena yang kompleks kerana kesannya merentasi hampir seluruh ruang kehidupan manusia. Dalam wacana sejarah, kemunculan wabak lazimnya dianalisis melalui kesan-kesan luaran semisal kadar kematian, keruntuhan pentadbiran, gangguan terhadap kegiatan pertanian dan perdagangan serta kerapuhan sistem sosial sepanjang tempoh penularan (Conrad, 1992). Kecenderungan analisis sebegini adalah dimaklumi dalam kerangka historiografi yang menekankan perekodan peristiwa sejarah sebagaimana ia benar-benar berlaku, seperti yang dikaitkan dengan tradisi Leopold von Ranke (1795-1886) melalui ungkapan kesohornya, ‘*wie es eigentlich gewesen*’ (Ranke, 1887). Penekanan utamanya terletak pada fakta luaran dan data yang dapat diukur, sekaligus memposisikan wabak sebagai peristiwa yang dapat difahami melalui pemerhatian terhadap kesan-kesan zahirnya secara objektif. Conrad (1992) menyimpulkan bahawa gaya penulisan sejarah wabak semacam ini sememangnya dicorakkan oleh para sejarawan yang cenderung meneliti wabak melalui data, kesan sosial dan perubahan tatanan pemerintahan.

Pendekatan historiografi ala Leopold von Ranke sedemikian mempunyai kepentingannya yang tersendiri, khususnya dalam memahami skala kemusnahan dan perubahan sosial yang dicituskan oleh wabak. Namun, tumpuan analisis yang agak terikat kepada fakta luaran ini berpotensi mengaburkan satu dimensi lain yang juga mustahak untuk diketengahkan, iaitu struktur pemikiran yang menata cara manusia menanggapi wabak. Hal ini kerana, kemunculan wabak yang secara zahirnya menyerang jasad dan sistem sosial manusia turut sama mencabar hal-hal yang bersifat maknawi, seperti kerangka ilmu, sumber autoriti, hubungan antara ikhtiar manusia dan kehendak Tuhan, serta hubungan sebab akibat. Oleh demikian, perbincangan tentang wabak seharusnya diletakkan sebaris dengan persoalan epistemologi, kerana tindak balas manusia terhadap krisis kesihatan awam sentiasa dipandu oleh cara mereka memahami hakikat wabak itu sendiri. Cara berfikir yang benar pula boleh dicapai sekiranya struktur epistemologi berjaya diluruskan terlebih dahulu. Apabila cara pandang atau epistemologi umat dapat diluruskan, maka adalah lebih mudah bagi tindakan yang benar menyusulnya. Adapun tindakan yang benar itu pula merupakan elemen penting yang dapat menjamin keberkesanan langkah pencegahan wabak. Dalam erti kata lain, epistemologi manusia merupakan pemain utama yang menentukan kelangsungan tadbir urus dalam mendepani wabak secara kolektif.

Kerumitan sifat dan tabiat wabak ini sememangnya mencabar sempadan pengetahuan manusia mengenainya. Dalam konteks ini, kemunculan wabak justeru menimbulkan persoalan-persoalan mendasar, semisal, “*Siapakah yang berautoriti mentakrifkan ilmu kesihatan?*”, “*apakah ukuran kebenaran dalam memahami penyakit?*” “*adakah mekanisme asing boleh diterima bagi tujuan pencegahan wabak?*”, dan “*sejauh manakah pengadaptasian mekanisme tersebut boleh membawa implikasi terhadap epistemologi Islam?*”. Persoalan-persoalan ini menyingkap satu lensa pandang bahawa fenomena wabak tidak dapat dipisahkan daripada hubungan antara ilmu dan kuasa, sebagaimana yang diungkapkan oleh Foucault (1980) bahawa, setiap bentuk kekuasaan secara tidak langsung menuntut penghasilan pengetahuan, sementara pengetahuan itu sendiri melahirkan pula kesan kekuasaan. Dalam sejarah Islam, hubungan erat antara ilmu dan autoriti kuasa ini turut dikesan secara implisit menerusi peristiwa yang mengangkat martabat akal sebagai manifestasi *karāmah al-insāniyyah*, iaitu pengajaran nama-nama (*al-asmāʾ*) kepada Nabi Adam a.s. sebagaimana yang dirakamkan dalam al-Quran (2:31). Peristiwa ini mengangkat kedudukan ilmu sebagai legitimasi terhadap kewibawaan manusia untuk memakmurkan alam selaku khalifah.

Ironinya, visi pemakmuran alam ini mengalami pengherotan yang ketara dalam sejarah wabak abad ke-19, khususnya apabila kuasa-kuasa kolonial memperluas dominasi mereka ke serata wilayah Islam. Penguasaan terhadap ilmu perubatan, sanitasi dan kesihatan awam mula dijadikan perkakas untuk menjustifikasi hegemoni kuasa kolonial ke atas pergerakan dan institusi masyarakat di wilayah-wilayah Islam. William Roff (1982) menggambarkan situasi ini sebagai “*twin infection*” atau “jangkitan berkembar”, iaitu situasi di mana penularan penyakit jasmani berlaku serempak dengan ‘penularan’ hegemoni kuasa kolonial terhadap ilmu kesihatan awam. Kemunculan wabak dalam konteks abad ke-19 justeru perlu diposisikan sebagai krisis kesihatan dan krisis epistemologi yang saling berhubung erat antara satu sama lain. Bagi dunia Islam, krisis tersebut tampil dalam bentuk dilema terhadap dua orientasi pengetahuan yang saling berbenturan antara satu sama lain. Umat Islam berhadapan dengan mekanisme Barat seperti kuarantin, sijil kesihatan, pusat pengasingan dan kawalan sanitasi yang terbukti mempunyai manfaat praktikal dalam mengekang penularan wabak. Pada masa yang sama, mekanisme tersebut diperkenalkan melalui rejim penjajahan yang membawa pandangan alam (*worldview*) yang sekular, mekanistik dan materialistik. Dilema ini seterusnya membabitkan persoalan utama makalah ini, iaitu “*bagaimanakah umat Islam dapat menilai dan mengadaptasi mekanisme kesihatan Barat tanpa terperangkap dalam epistemologi kolonial yang memisahkan sains daripada aspek metafizik?*”

Inilah permasalahan yang menjadi titik tolak makalah ini. Kajian-kajian tentang wabak dan kolonialisme lazimnya menonjolkan dimensi pentadbiran, biopolitik, orientalisme dan kawalan imperial. Namun, perbincangan tentang bagaimana tradisi Islam menilai mekanisme kesihatan asing melalui kerangka sains yang berpaksikan tauhid juga perlu diberi penekanan yang memadai. Justeru, inti makalah ini bertujuan meleraikan persoalan tentang persempadanan antara mekanisme Barat dan epistemologi menerusi neraca pandangan alam Islam khususnya dalam konteks pengurusan wabak abad ke-19 yang turut dilatari oleh penjajahan. Premis utama yang dikemukakan untuk meleraikan persempadanan tersebut ialah bahawa Islam tidak menolak mekanisme saintifik yang terbukti bermanfaat, selama mana mekanisme tersebut dinilai secara kritis melalui kerangka tauhid, syariah dan kefahaman yang sahih. Namun, apabila mekanisme tersebut beroperasi di bawah struktur penjajahan, ia berubah menjadi instrumen penjajahan epistemik yang mencabar autoriti serta simbol kesucian umat Islam.

Bagi membuktikan premis tersebut, makalah ini menganalisis dua teks sejarah abad ke-19. Teks pertama ialah “*Ithāf al-Munṣifin wa al-Udabāʾ bi-Mabāḥith al-Ihtirāz ‘an al-Wabāʾ*” karya Hamdan Khodja (1836), seorang sarjana Algeria yang menanggapi mekanisme kuarantin Perancis secara kritis. Khodja mengiktiraf manfaat praktikal kuarantin dalam mengekang wabak, namun

tegas ketika menolak asas pemikiran Barat yang memutlakkan sebab tabii dan meminggirkan peranan Tuhan. Teks kedua pula ialah “*The Cholera and Hagar’s Well at Mecca*” oleh Donkin et al. (1883), iaitu dokumen surat-menyurat kolonial British yang memuatkan dakwaan tentang pencemaran air Zamzam. Teks ini memperlihatkan bagaimana kuasa kolonial British menggunakan autoriti sains moden sebagai instrumen untuk merendahkan simbol kesucian dalam Islam demi mengukuhkan hegemoni mereka ke atas wilayah Islam. Berdasarkan dua teks sejarah tersebut, makalah ini bertujuan mencapai dua objektif utama. Pertama adalah untuk menganalisis bagaimana tradisi Islam mendepani sains dan mekanisme kesihatan Barat melalui pemikiran Hamdan Khodja. Kedua, makalah ini menilai bagaimana pengadaptasian mekanisme Barat di bawah rejim penjajahan sebenarnya berupaya menggugat epistemologi Islam dan mengesani umat Islam. Objektif kedua ini dibuktikan melalui analisis terhadap dakwaan pencemaran air Zamzam yang digunakan oleh kuasa British untuk mempertahankan kepentingan mereka di wilayah jajahan. Ringkasnya, makalah ini menyorot dua topik utama, iaitu (i) status mengadaptasi mekanisme Barat, serta (ii) cabaran epistemologi yang dibawa bersama adaptasi tersebut. Kedua-dua objektif ini ditonjolkan untuk menunjukkan bahawa pengurusan wabak dalam sejarah abad ke-19 didasari oleh perbahasan yang beragam meliputi aspek metafizik, epistemologi, kuasa dan kedaulatan ilmu.

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Makalah ini mengaplikasikan kajian kualitatif dengan menjalankan analisis sejarah terhadap teks kajian menerusi kaedah analisis kandungan. Reka bentuk kajian ini dipilih kerana ia dilihat cocok untuk meneliti bagaimana mekanisme kesihatan Barat itu difahami, dihujahkan dan dipertikaikan dalam kerangka ilmu, kuasa dan pandangan alam Islam. Teras penghujahan makalah ini dibina atas reka bentuk kajian perbandingan teks. Dua teks sejarah dipilih sebagai kes analisis kerana kedua-duanya mewakili dua sisi penting tentang perbahasan mekanisme dan epistemologi antara tradisi Islam dan Barat yang merupakan teras perbincangan makalah. Teks pertama ialah “*Ithāf al-Munṣifīn wa al-Udabā’ bi-Mabāḥith al-Iḥtirāz ‘an al-Wabā’*” karya Hamdan Khodja (1836). Pengkaji menyingkatkannya sebagai “*Ithāf*” untuk mengelakkan pengulangan judul penuh serta melancarkan perbincangan makalah. Manakala dalam pengendalian petikan Arab daripada “*Ithāf*”, makalah ini mengekalkan bentuk petikan sebagaimana yang terdapat dalam teks asal tanpa penyeragaman ejaan atau pembetulan tatabahasa. Oleh itu, beberapa bentuk penulisan yang tidak menepati kaedah bahasa Arab standard moden, termasuk ketiadaan hamzah pada kata tertentu, dikekalkan bagi menjaga keaslian bentuk teks. Terjemahan petikan Arab pula dilakukan oleh pengkaji dengan mengambil kira makna literal, konteks wacana dan nuansa semantik asal, manakala huraian serta interpretasi terhadap petikan tersebut dikemukakan dalam perenggan analisis yang mengiringinya. Teks kedua pula ialah dokumen surat-menyurat berjudul “*The Cholera and Hagar’s Well at Mecca*” oleh Donkin et al. (1883).

Pemilihan kedua-dua teks kajian dibuat atas pertimbangan bahawa kedua-duanya menyentuh unit analisis utama makalah iaitu pertembungan antara konteks kolonialisme, dasar kesihatan awam, pandangan alam, pelaksanaan mekanisme sains Barat serta epistemologi Islam pada abad ke-19. Kemunculan kedua-dua teks dalam konteks tersebut menangkap titik perbenturan yang signifikan antara tradisi Islam dan Barat menerusi gelombang kolonialisme yang mempertemukan umat Islam dengan kuasa kolonial. Elemen perbenturan antara dua tradisi ini pula ditonjolkan oleh kedua-dua teks menerusi dua kajian kes yang penting iaitu, (i) bagaimana persepsi dan respons umat Islam terhadap kemunculan mekanisme pencegahan wabak yang dibawa oleh Barat, serta (ii) bagaimana campur tangan kuasa kolonial ketika mengoperasikan mekanisme tersebut turut mencabar epistemologi Islam. Persilangan konteks sejarah yang antara kedua-dua teks ini memungkinan isu persempadanan antara epistemologi dan mekanisme

dibahaskan secara serentak dan saling berkait antara satu sama lain, di mana teks “*Ithāf*” merungkaikan status adaptasi mekanisme Barat melalui saringan epistemologi Islam, manakala teks “*The Cholera and Hagar’s Well at Mecca*” pula membongkar risiko epistemik apabila mekanisme tersebut dilaksanakan sebagai dasar kesihatan awam di bawah struktur kuasa kolonial.

Pengumpulan data pula dilakukan melalui pembacaan sistematik terhadap kedua-dua teks primer. Dalam “*Ithāf*”, data dikumpulkan daripada petikan-petikan yang membahaskan kedudukan sains Eropah, penolakan sistem kuarantin serta kritikan Khodja terhadap asas pemikiran Barat. Manakala data teks “*The Cholera and Hagar’s Well at Mecca*” dikumpulkan daripada bahagian yang mengandungi dakwaan saintifik tentang pencemaran air Zamzam, cara data makmal diperoleh dan dipersembahkan serta gaya pendokumentasian dakwaan tersebut dilakukan. Kedua-dua data primer ini kemudian dianalisis bersama sumber sekunder yang berkait rapat dengan sejarah wabak abad ke-19 dalam konteks kolonialisme. Unit analisis kajian ini pula adalah dalam bentuk pernyataan, hujah, istilah dan struktur naratif dalam teks. ‘Pernyataan’ merujuk kepada ayat atau petikan yang mengandungi pendirian eksplisit tentang mekanisme pencegahan wabak mahupun epistemologi wabak semisal hakikat wabak dan autoriti kolonial. ‘Hujah’ merujuk kepada susunan alasan yang digunakan oleh pengarang teks untuk menyokong pendirian mereka. ‘Istilah’ pula merujuk kepada kata kunci yang membawa muatan epistemologi seperti kepercayaan, sebab akibat serta unsur pejoratif yang bersifat merendahkan epistemologi asing. Manakala ‘struktur naratif’ merujuk kepada cara sesuatu teks membina gambaran tentang identiti asing. Melalui metodologi ini, kedua-dua teks dianalisis sebagai medan pembentukan naratif ketika menanggapi pembawaan tradisi asing, baik oleh tradisi Islam mahupun Barat.

3.0 SAINS, PANDANGAN ALAM DAN PEMBENTUKAN NARATIF KESIHATAN AWAM KOLONIAL

3.1 Sains Moden dan Penyahsakralan Alam

Perbincangan tentang pertembungan antara mekanisme sains Barat dan epistemologi Islam dalam krisis kesihatan awam perlu dimulakan pada aras pandangan alam (*worldview*). Keruwetan yang timbul dalam pengurusan krisis wabak misalnya, tidaklah memadai jika dipersepsikan sebatas perbezaan zahir yakni dalam bentuk mekanisme perubatan mahupun penemuan saintifik semata-mata. Perselisihan yang sebenar berakar pada perkara yang jauh lebih mendasar, iaitu cara sesuatu tradisi ilmu memahami hakikat alam, manusia, penyakit, hubungan sebab-akibat dan sumber kebenaran yang sah. Daripada kerangka faham inilah terbentuknya pandangan alam yang mengemudi perkembangan sesebuah tamadun, termasuk tradisi Islam dan Barat. Meskipun perbezaan pandangan alam yang mempertembungkan kedua-dua tradisi dalam wacana sains sememangnya sudah tercetus sepanjang sejarah, namun kebangkitan sains moden menjadikan pertembungan itu kian mengental. Fenomena ini mengundang tanggapan Hossein Nasr (1976) terhadap sains moden sebagai manifestasi daripada krisis spiritual manusia moden dalam berhubungan dengan alam. Menurutnya, alam telah mengalami proses ‘*desacralization of nature*’, yakni kehilangan posisinya sebagai tanda kebesaran Tuhan (*āyatullah*) dan medan mengenali kebijaksanaan-Nya. Alam kian dilihat sebagai objek yang berdiam kaku sehingga cara pandang yang menyempitkan hakikat alam ini sewenang-wenangnya telah melegitimasi kudrat manusia untuk mengawal dan memanipulasi alam melalui kaedah saintifik sehingga meminggirkan makna rohaninya. Kegusaran yang hampir senada turut dikemukakan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (1978) melalui gagasan ‘*disenchantment of nature*’, iaitu proses sekularisasi yang menanggalkan sebarang pesona, ketakjuban dan makna metafizik daripada alam.

Apabila kerangka yang nihil daripada dimensi spiritual ini diterapkan dalam ranah kesihatan awam, wabak penyakit cenderung ditanggapi sebagai masalah biologi semata-mata sehingga aspek kesembuhannya pula diukur hanya melalui keberkesanan mekanisme fizikal dan prosedur teknikal. Pendekatan ini memiliki kekuatannya yang tersendiri dari sudut ia melatih manusia agar memerhati, mengukur, mengawal dan menyusun langkah pencegahan secara sistematik. Namun pendekatan ini secara beransur-ansur cenderung memutuskan insan daripada berhubungan secara maknawi dengan Tuhan ketika mengendalikan alam. Dalam krisis wabak, kekuatan empirikal ini menjadi sangat berpengaruh kerana ia menawarkan mekanisme praktikal seperti kuarantin, pengasingan, kawalan pergerakan dan pemeriksaan sanitasi. Akan tetapi, mekanisme tersebut pada dasarnya merupakan produk bagi suatu kerangka epistemologi yang membawa andaian tertentu tentang hakikat kewujudan segala sesuatu. Rentetan daripada fenomena ini, maka bertebaranlah kerangka sains yang mekanistik ini ke serata wilayah Islam pada abad ke-19 melalui gelombang kolonialisme, sehingga membabitkan dilema intelektual dalam kalangan umat Islam, sama ada untuk meniru kemajuan Barat secara bulat-bulat atau menolak seluruh pembawaannya.

3.2 Persempadanan antara Epistemologi dan Mekanisme

Perbincangan tentang pengadaptasian mekanisme kesihatan Barat dalam dunia Islam abad ke-19 perlu dibentengi dengan kesedaran bahawa sains tidak hanya beroperasi melalui prosedur teknikal. Hal ini kerana, aktiviti saintifik itu sendiri didasari oleh daya kognitif. Maksudnya, ilmu sains terhasil melalui cara intelek manusia mencerakinkan masalah dengan berpandukan panduan wahyu, pengalaman inderawi, intuisi mahupun cetusan akliah mereka. Açıkgenç (1996) mencerakinkan konteks ini dengan menekankan bahawa akal manusia bekerja melalui beberapa peringkat, yang pertama-tamanya dirintis oleh pandangan alam. Peringkat yang paling mendasar ini memberi makna tentang Tuhan, manusia, alam, ilmu, kebenaran, tujuan dan nilai. Daripada pandangan alam ini, maka wujudnya kegiatan berfikir secara asas. Apabila kegiatan itu semakin tersusun, muncul pula jaringan konsep. Apabila jaringan konsep itu diguna pakai secara kolektif dan sistematik oleh komuniti ilmuwan ketika mereka menjalankan kegiatan saintifik, maka persekitaran ini diperikan oleh Açıkgenç (1996) sebagai *'scientific conceptual scheme'*. Ini bermakna, kegiatan saintifik bukanlah sekadar kerja mengumpulkan fakta. Data dan pemerhatian dihasilkan dalam suatu jaringan makna yang didasari oleh suatu-suatu pandangan alam. Setiap kegiatan saintifik justeru memiliki unsur keberpihakan terhadap ideologi tertentu. Domain sains sememangnya berfungsi untuk mencari kebenaran tentang alam, tetapi cara kebenaran itu dicari, istilah yang diguna pakai, kaedah yang diutamakan serta tujuan yang menggerakkan sesuatu penyelidikan itu sangat bergantung pada *'scientific conceptual scheme'* dalam sesebuah komuniti ilmuwan. Oleh demikian, hubungan antara sains dengan mana-mana tradisi termasuklah Islam mahupun Barat perlu difahami dalam kerangka epistemologi yang mendasarinya.

Gagasan *'scientific conceptual scheme'* ini penting untuk menjelaskan bahawa mekanisme kesihatan Barat sememangnya bukanlah medium yang bebas daripada sebarang ideologi. Sistem kuarantin, langkah pengasingan, sijil kesihatan dan kawalan sanitasi memiliki nilai sejagat dari sudut keberkesanan fizikalnya untuk mengawal penularan wabak. Namun, cara mekanisme itu dioperasikan dan dijadikan dasar sentiasa berkait dengan kerangka pengetahuan tertentu. Dalam konteks Barat moden, mekanisme tersebut sering beroperasi dalam faham sebab-akibat yang mekanistik, sedangkan dalam pandangan alam Islam, sebab tabii diiktiraf tanpa diputuskan keterhubungannya dengan kehendak Tuhan. Di sinilah munculnya dilema umat Islam abad ke-19. Mekanisme kesihatan Barat yang diusung bersekali dengan rejim penjajahan ke wilayah Islam mencetuskan kecurigaan politik dan moral. Penjajahan itu wajar ditentang kerana ia membawa dominasi, kekerasan dan penguasaan terhadap umat Islam. Namun, kecurigaan terhadap penjajahan beralih menjadi satu bentuk kekeliruan epistemik apabila semua mekanisme yang dibawa

melalui mereka ditolak secara total tanpa menilai substansi dan manfaatnya. Pada sisi yang lain, penerimaan terhadap mekanisme Barat secara melulu pula dianggap berbahaya kerana ia boleh membawa masuk tafsiran sekular terhadap hakikat alam, sebab-akibat dan kesembuhan.

Dalam situasi ini, tabiat wabak itu sendiri yang beroperasi dalam dwi dimensi iaitu fizikal dan metafizik justeru menuntut persempadanan makna antara epistemologi dan mekanisme. Epistemologi merujuk kepada cara sesuatu tradisi ilmu menentukan sumber, hierarki, autoriti atau batas pengetahuan (Imam, 2000). Dalam pengurusan wabak, ia bersentuhan dengan domain metafizik apabila membahaskan hakikat penyakit, hubungan antara sebab tabii dan kehendak Ilahi, makna ikhtiar manusia serta kedudukan kematian dan kesembuhan dalam kerangka ketuhanan. Mekanisme pula berlaku pada aras fizikal serta terikat dengan pengoperasian sesuatu sistem, yakni kaedah yang digunakan untuk mengawal penularan penyakit berdasarkan pemerhatian empirik dan aturan tabii. Mekanisme selalunya menjawab persoalan bagaimana penularan wabak itu dikawal, sementara epistemologi pula menjabarkan bagaimana pengoperasian mekanisme itu difahami secara maknawi. Dalam konteks abad ke-19, dilema ini antara lain berlaku lantaran hegemoni penjajahan yang menghakis kesyumulan pandangan alam umat. Ia sekaligus merencatkan pengukuhan '*scientific conceptual scheme*' dalam kalangan para ilmuwan Islam. Akibatnya, umat Islam terpaksa mengadaptasi mekanisme sains Barat dan terperangkap dalam dikotomi palsu yang memisahkan antara hal yang bersifat sakral (*sacred*) dan duniawi (*profane*) (al-Attas, 1978; Açıkgeç, 1996). Kelesuan '*scientific conceptual scheme*' ini seterusnya menyebabkan pengadaptasian mekanisme Barat tadi turut memerangkap umat Islam dalam kerangka epistemologi yang sarat dengan ideologi sekular, kelesuan makna spiritual serta asas metafizik yang rapuh.

3.3 Naratif Kesihatan Kolonial dan Penjajahan Epistemik

Lantaran bergejolaknya gelombang kolonialisme pada abad ke-19, kuasa kolonial menjadi pemain utama yang mencorakkan naratif kesihatan awam di wilayah-wilayah jajahan terutama wilayah Islam. Ranah kesihatan awam yang berfungsi sebagai medan pengurusan wabak turut beroperasi sebagai medium untuk mengukuhkan kepentingan kuasa kolonial. Taktik kuasa kolonial ini disingkap secara panjang lebar oleh tokoh kontemporari semisal Rein White (2023) melalui gagasan '*epidemic orientalism*', yakni, suatu pendedahan tentang cara Barat menggunakan ancaman wabak untuk membina gambaran tentang dunia Timur. Naratif ini mewujudkan perbandingan antara ranah Barat yang dianggap 'sihat', 'bersih' dan 'bertamadun', dengan wilayah selain Barat, baik itu di Asia, Timur Tengah dan Afrika, yang dilabel sebagai 'lubuk wabak' dan dilihat sebagai ancaman kepada masyarakat global. Naratif ini meneguhkan mitos keunggulan Barat yang kononnya kebal terhadap penyakit lantas memberi mereka legitimasi untuk mengenakan kawalan kesihatan antarabangsa yang berkuatkuasa se bermula tahun 1851 (White, 2023). Nükhet Varlık (2017) menerusi gagasan '*epidemiological orientalism*' turut mendedahkan bagaimana imej *Dawlah* Uthmaniyah yang selalu digambarkan dalam historiografi Eropah sebagai wilayah berpenyakit, sebenarnya terbina atas dasar kebimbangan Eropah terhadap isu kesihatan awam dan laluan geopolitik antara sempadan wilayah-wilayah berkepentingannya. Naratif yang diolah oleh White (2023) dan Varlık (2017) ini, seperti dimaklumi, merupakan wacana segar yang berakar pada gagasan kritis Edward Said (1978) terhadap orientalisme yang menerjah caragaya Barat mendominasi, menstruktur dan memegang autoriti ke atas Timur melalui proses 'menamakan' dan 'mendefinisikan' realiti serta identiti ketimuran.

Pelaksanaan ibadah haji semasa musim penularan wabak kolera pada abad ke-19 cukup ketara mencerminkan inti naratif '*epidemic orientalism*' ini, khususnya ketika menyingkap strategi kawalan sosial, ekonomi dan geopolitik yang menunjangi dasar-dasar kesihatan kolonial ke atas wilayah Islam. Analisis tentang hal ini dibahaskan secara mendalam oleh Christopher Low (2008;

2015) yang mengulas strategi pembinaan naratif oleh British dalam memposisikan ibadah haji sebagai punca penularan wabak kolera, sementara wilayah Hijaz pula digambarkan sebagai hab penyebaran ideologi Pan-Islamisme. Naratif ini melegitimasi pengawasan ‘biopolitik’ yang ketat terhadap jemaah haji, khususnya dari India dan Asia Tenggara. Konsep ‘biopolitik’ yang dipopularkan oleh Foucault (2008) nyata memperkukuh wacana ‘*epidemic orientalism*’ dengan mengutarakan tesisnya bahawa, fokus kekuasaan tidak lagi terhad semata-mata kepada kedaulatan wilayah, tetapi turut mencakupi pengurusan aspek biologi populasi termasuk isu kesihatan, kebersihan dan populasi kematian. Kesemua aspek biologi yang merupakan tuntutan penting dalam menguruskan krisis wabak ini sekaligus mendedahkan mekanisme pengurusan kesihatan kolonial yang sememangnya berfungsi sebagai instrumen untuk menunjangi naratif saintifik tertentu.

Mekanisme sains kolonial secara jelas mengindikasikan kegiatan saintifik yang memiliki motif dan kecenderungan tertentu. Autoriti pakar, data makmal, penerbitan laporan perubatan dan retorik sanitasi dapat digunakan untuk membentuk gambaran tentang umat Islam serta simbol keagamaan mereka. Jika strategi tersebut diguna pakai untuk mengawal dasar kesihatan awam di wilayah jajahan, maka ia akan menimbulkan suatu bentuk penjajahan epistemik, iaitu penaklukan cara fikir yang lebih licik dan halus daripada penjajahan fizikal ke atas golongan terjajah. Gagasan ‘*intellectual imperialism*’ oleh Syed Hussein Alatas (2000; 2024) turut menjelaskan bagaimana dominasi kolonial turut beroperasi pada aras pemikiran sehingga mencorakkan gaya pandang dan fikir masyarakat terjajah agar cocok dengan acuan dan telunjuk penjajah. Buktinya, setakat sorotan ringkas catatan-catatan sejarah di atas, dapatlah dirumuskan bahawa lingkaran pengaruh hegemoni Barat terhadap naratif kesihatan awam abad ke-19 nyata melewati domain tadbir urus melalui suatu projek epistemik yang menstruktur semula cara wabak itu difahami dan ditangani.

Hal ini dapat dikesan menerusi penggunaan beberapa istilah yang diungkapkan oleh para sarjana semisal ‘*disenchantment of nature*’, ‘*epidemic orientalism*’, ‘*biopolitics*’, dan ‘*intellectual imperialism*’. Kesemua istilah ini dengan sendirinya mendedahkan strategi kuasa Barat yang sedang memanfaatkan peranti intelektual sebagai modal untuk mengeksploitasi sektor kesihatan awam, seterusnya melegitimasi dominasi mereka ke atas wilayah Islam demi kepentingan geopolitik dan ideologinya. Sebagaimana peranti-peranti tersebut beroperasi dalam domain intelektual, maka demikianlah impaknya menerpa fakulti intelek umat. Impak ini termanifestasi dalam bentuk dilema epistemik yang berpanjangan, khususnya dalam soal persempadanan antara domain mekanisme dan epistemologi. Hal inilah yang menyebabkan dilema yang dihadapi umat tidak terhenti pada persoalan sama ada mekanisme Barat wajar diterima atau ditolak—meskipun isu ini turut dibincangkan dalam makalah ini—bahkan menjangkau persoalan yang lebih mendasar, iaitu bagaimana mekanisme tersebut boleh diadaptasi tanpa menggugat, apatah lagi tanpa mengorbankan asas epistemologi Islam yang memberi makna holistik terhadap fenomena wabak. Perbincangan asas ini berperanan sebagai latar konseptual yang perlu dirungkaikan sebelum membaca dua teks sejarah yang menjadi tumpuan makalah ini. Tiga lapisan perbincangan di atas ini menunjukkan bahawa perbenturan dua tradisi iaitu antara Islam dan Barat dalam isu persempadanan antara mekanisme dan epistemologi ketika mendepani wabak merupakan isu yang dicetuskan oleh polemik kekuasaan serta perbezaan kerangka yang mendasarinya iaitu pandangan alam.

4.0 ANALISIS TEKS KAJIAN

Pertembungan antara tradisi epistemologi Islam dan mekanisme sains Barat yang dibawa ke dunia Islam melalui hegemoni kuasa kolonial pada abad ke-19 menimbulkan dilema dalam

kalangan masyarakat Islam. Sebagaimana munculnya aksiom bahawa rejim penjajahan itu layaknya ditentang secara habis-habisan, maka ia turut menimbulkan kekeliruan sama ada mekanisme pencegahan wabak yang dibawa oleh kuasa penjajah wajar diterima atau ditolak lantaran timbulnya sentimen terhadap mereka selaku ‘tradisi asing’, ‘penjajah’ dan ‘bukan Islam’. Dilema ini dialami oleh umat Islam dalam menuntaskan soal ‘mekanisme’ dan ‘epistemologi’. Bahagian ini seterusnya merungkai dilema tersebut menerusi dua subtopik iaitu (i) status kebolehlaksanaan mekanisme barat dalam “*Ithāf al-Munṣifin wa al-Udabā’ bi-Mabāḥith al-Ihtirāz ‘an al-Wabā’*” (1836), serta (ii) cabaran epistemologi daripada pengadaptasian mekanisme Barat dalam teks “*The Cholera and Hagar’s Well at Mecca*” (1883).

4.1 Status Kebolehlaksanaan Mekanisme Barat dalam “*Ithāf*” (1836)

Polemik penolakan umat Islam terhadap mekanisme pencegahan wabak yang diperkenalkan oleh kuasa Barat mengundang perhatian Hamdan Khodja (1773-1842), seorang sarjana Algeria yang kesohor dek kelantangannya mengkritik penjajahan Perancis sehingga menyebabkan beliau diusir dari tanah airnya (Özdiç, 2024). Kedudukan Khodja ini menarik kerana penentangannya terhadap rejim penjajahan tidak mendorong beliau menolak segala mekanisme yang dibawa oleh kuasa kolonial Perancis ke Algeria. Beliau sebaliknya bersikap objektif dalam menilai mekanisme kuarantin dan kawalan kesihatan melalui pertimbangan yang lebih teliti, iaitu dengan membezakan antara manfaat pengoperasian mekanisme tersebut dengan epistemologi yang mengiringinya. Dalam konteks yang serba ruwat ini, Khodja menerusi karyanya “*Ithāf*” mengulas isu persempadanan antara mekanisme dan epistemologi dalam pengurusan wabak, yang mana pada hemat pengkaji, perbincangan semacam ini agak langka ditemukan dalam wacana sezamannya.

Khodja menyatakan penilaiannya dengan mengiktiraf pencapaian bangsa Eropah dalam pelbagai bidang. Pengiktirafan ini dapat ditelusuri menerusi kenyataannya di bawah ini (Khodja, 1836: 13):

لا مجال لانكار كون الفرنج في زماننا و قبيله قد تمهروا في العلوم الطبيعية والصناعية والرياضية مع عدم تفديهم بما يتعلق
بامر اخر اهم حتى صار الطب والنجوم والهندسة وكثير من العمليات كالمختص بهم

Maksudnya: Tidak dapat dinafikan bahawa orang-orang Eropah pada zaman kita bahkan sejak generasi sebelumnya lagi telah menguasai ilmu-ilmu tabii, gunaan dan matematik meskipun mereka tidak terikat dengan hal-hal yang berkaitan dengan urusan akhirat mereka, sehingga ilmu perubatan, astronomi, kejuruteraan dan pelbagai bidang praktikal lainnya kelihatan begitu sinonim dengan identiti mereka.

Petikan ini penting kerana Khodja tidak menafikan kekuatan empirik dan ilmu sains Eropah sebagaimana yang dilakukan oleh sebahagian umat Islam ketika itu. Beliau mengakui bahawa masyarakat Eropah memiliki kecekapan dalam mengatur mekanisme kesihatan awam termasuk kuarantin. Kecekapan Eropah dalam memutuskan rantaian wabak ini diceritakan sendiri oleh Khodja secara terperinci ketika beliau menjalani proses kuarantin sebanyak dua kali di Sepanyol, iaitu ketika berada di Huarte de Górniz dan sekali di Marseille di mana setiap prosedur kuarantin dikawal selia secara teliti dan sistematik (Khodja, 1836: 47). Penilaian Khodja ini jelas tidak dibina atas sentimen identiti. Beliau tidak menolak sesuatu mekanisme itu hanya kerana ia dibawa oleh kuasa penjajah. Beliau mengambil kira sudut keberkesanan pelaksanaan kuarantin dalam mengawal pergerakan manusia dan memutuskan rantaian penularan wabak. Kekejaman Perancis menjarah tanah air adalah hal yang ditentang oleh Khodja dengan lantang, adapun mekanisme yang diperkenalkan oleh mereka demi maslahat umum pula dipertimbangkan secara objektif. Sikap kritis Khodja ini menyulut semangat yang sama dicituskan oleh ahli falsafah Arab

pertama, al-Kindi (w. 873) dalam adikaryanya “*Fī al-Falsafah al-Ūlā*” ketika mengulas tentang autoriti ilmu. Menurutnya, umat Islam tidak seharusnya merasa canggung untuk menghargai kebenaran yang diperoleh dari mana sekalipun asal-usulnya, meski dari suatu ras yang jauh atau bangsa yang sama sekali berbeza daripada identiti keislaman (Ivry, 1974).

Namun, pengiktirafan terhadap keberkesanan mekanisme Barat ini pula tidak mendorong Khodja untuk bersikap permisif, yakni dengan turut menerima seluruh kerangka sains Barat yang mendasarinya. Sikap berimbang oleh Khodja ini nyata berbeza daripada inti pengamatan al-Attas (2014a) terhadap respons umat Islam ketika berhadapan dengan kemunculan teknologi Barat. Menurutnya, sebahagian golongan modenis dan tradisionalis Muslim tampak terkagum-kagum dengan kecanggihan sains dan teknologi Barat sehingga secara simplistik merangkum-rambangkan mekanisme Barat dengan kerangka kepercayaan yang mendasarinya sebagai suatu hal yang wajar diterima secara bersekali. Perihal keterpesonaan ini turut sama dikesan oleh Alatas (1972) sebagai ‘*captive mind*’, atau ‘minda tertawan’, iaitu kecenderungan untuk meniru apa sahaja pembawaan Barat secara melulu lantaran terpesona dengan keunggulan ilmu dan teknologi mereka. Pengiktirafan Khodja terhadap kepakaran Perancis sebaliknya dibentengi dengan kewaspadaan epistemologi. Beliau secara jelas menyedari bahawa kemajuan yang diterajui oleh Barat itu bertunas subur tanpa keterikatan kepada nilai-nilai transenden dan hanya tumpu pada ‘yang sekarang’ (*saeculum*), atau yang diistilahkan oleh al-Attas (2014b) sebagai ‘kedisinikian’. Ungkapan Khodja ini merupakan kunci kepada pembacaan epistemik terhadap “*Ithaf*”. Khodja menegaskan bahawa kemajuan sains Eropah memiliki kekuatan pada aras mekanisme, namun ia nihil dengan makna dan asas metafiziknya, persis yang disinggung oleh Nasr (1976) dan al-Attas (1978) sebelumnya terkait krisis penyahsakralan alam. Dengan demikian, Khodja sedang melakukan pemisahan konsep antara mekanisme yang boleh diiktiraf pada tahap manfaatnya, dengan pandangan alam yang melatarinya.

Dilema ini tampak lebih ketara apabila Khodja membahaskan reaksi umat Islam terhadap mekanisme kuarantin. Umat Islam sebagai ‘subjek kolonial’ yang tergiring masuk ke dalam rentak tadbir urus kuasa kolonial tidak dapat mengelak daripada terus terikat dengan pelaksanaan dasar-dasar Barat bagi mengekang wabak. Justeru, mengadaptasi mekanisme Barat di bawah dominasi kuasa kolonial bukan lagi soal pilihan. Ketika pilihan tidak lagi wujud dalam suasana penjajahan yang dicirikan oleh kekerasan politik, penguasaan wilayah dan keruntuhan autonomi masyarakat Islam, kecurigaan terhadap kuasa Perancis merupakan tindak balas yang wajar berlaku. Namun kecurigaan itu lama-kelamaan berubah wajah menjadi satu bentuk kekeliruan apabila sebahagian masyarakat menolak mekanisme kuarantin hanya kerana ia dibawa oleh kuasa penjajah. Kekeliruan ini menimbulkan beragam respons dalam kalangan umat Islam. Segolongan tokoh masyarakat dan agamawan mengaitkan penerimaan amalan kuarantin dengan kecenderungan meniru perbuatan orang kafir, bahkan mereka turut mengkafirkan golongan yang menyokong langkah pencegahan tersebut secara terbuka (Khodja, 1836: 50). Suara agamawan' ini memberi gambaran seolah-olah agama sendiri menjustifikasi penolakan terhadap mekanisme Barat walaupun ia sebenarnya sejajar dengan tujuan syariah yang menuntut pemeliharaan nyawa dan pencegahan mudarat. Reaksi defensif dan ekstrem ini turut menampakkan dua sisi serentak, iaitu (i) penguasaan yang superfisial terhadap esensi ajaran Islam serta (ii) kefahaman yang dangkal terhadap tradisi asing seperti Barat.

Di sini Khodja melihat bahawa masalah sebenarnya bukanlah berpunca daripada sentimen anti-kolonial per se, tetapi berakar pada kegagalan membezakan letak duduk antara identiti pembawa mekanisme, fungsi mekanisme dan kerangka keyakinan yang melatarinya. Pengamatan ini cuba diketengahkan oleh beliau melalui petikan berikut ini (Khodja, 1836: 3):

فصابوا في بعض ما فعلوا واخطاوا في اسنادهم التأثير فيها للاسباب حتى كان موجبا لنفرة المسلمين عن كلما فعلوه عوضا عن نفرتهم عن خصوص ما اعتقدوه في هذا الباب

Maksudnya: Mereka (orang-orang Eropah) ternyata benar dalam sebahagian tindakan yang mereka lakukan, namun mereka silap apabila menisbahkan keberkesanan tindakan tersebut semata-mata kepada sebab-sebab tabii sehingga perkara tersebut menyebabkan umat Islam menjauhkan diri daripada segala apa yang mereka lakukan, sedangkan yang sepatutnya di jauhi hanyalah keyakinan tertentu mereka dalam hal ini.

Petikan ini juga merupakan penekanan epistemologi dalam “*Ithāf*”. Sekali lagi Khodja mengakui bahawa sebahagian tindakan Eropah dalam menguruskan wabak adalah tepat pada aras mekanismenya. Namun kesilapan berlaku apabila keberkesanan mekanisme semisal kuarantin dalam memutuskan rantai wabak itu dinisbahkan kepada sebab tabii secara mutlak. Bagi Khodja, masalah utama sains Barat terletak pada pemutlakan sebab, yang membawa konotasi bahawa sebab-sebab fizikal bekerja dengan kuasa sendiri tanpa pergantungan kepada kehendak Tuhan. Ketegasan Khodja dalam hal ini senada dengan kritikan al-Faruqi (1982) terhadap kesalahahaman ahli falsafah Barat tentang hakikat Tuhan, yang mereka istilahkan sebagai ‘*Deus Otiosus*’, dengan ertian ‘Tuhan yang pasif’, di mana Tuhan dianggap tidak lagi aktif berperanan setelah selesai menciptakan alam raya dan hukum gerakannya. Tanggapan ini mempersepsikan alam sebagai kosmos yang beroperasi secara automatik melalui hukum sebab akibat yang bersifat ‘alamiah’ semata-mata. Dari lensa epistemologi Islam, waham ‘*Deus Otiosus*’ ini tidak selari dengan firman Allah SWT yang bermaksud, “...*tiap-tiap masa, Dia (Allah SWT) sentiasa dalam keadaan menangani urusan yang baharu*” (al-Quran, 55:29). Firman ini menegaskan bahawa Allah SWT sentiasa aktif dalam menciptakan, memberi rezeki, menghidupkan dan mentadbir seluruh urusan ciptaan-Nya, termasuklah mengurus hukum sebab-akibat yang mencetuskan fenomena wabak.

Perbenturan antara epistemologi Islam dan Barat inilah yang mencetuskan reaksi ekstrem dalam kalangan umat Islam di Algeria dan *Dawlah* Uthmaniyah pada abad ke-19, di mana penolakan terhadap epistemologi sekular Barat disalah tafsir sebagai penolakan terhadap mekanisme kuarantin itu sendiri. Dari satu sisi, kenyataan Khodja (1836: 3) ini pada dasarnya merupakan suatu diagnosis untuk menuntaskan punca penolakan mekanisme Barat dalam kalangan umat Islam. Penolakan tersebut lahir daripada kesedaran bahawa asas epistemologi Barat bersifat materialistik dalam menangani wabak. Namun, kekeliruan umat untuk menentukan reaksi yang sepatutnya dizahirkan terhadap rejim penjajahan telah mendorong mereka melonggokkan seluruh mekanisme Barat bersama-sama dengan dasar epistemologi sekular mereka sebagai suatu entiti yang tertolak. Penolakan secara total ini akhirnya membibitkan pendekatan yang simplistik sehingga menafikan kemungkinan wujudnya nilai maslahat atau kesesuaian prinsip Islam dalam sebahagian mekanisme tersebut. Sikap sebegini, menurut al-‘Azm (1981), merupakan suatu bentuk ‘معكوسا الاستشراق’, atau ‘*reverse orientalism*’ iaitu kecenderungan menyifatkan atau meringkaskan (*essentialize*) segala hal yang datang dari Barat sebagai sesuatu yang tertolak tanpa sebarang analisis substantif. Sayyid (2003) bagaimanapun menilai reaksi defensif terhadap wacana sains Barat ini sebagai manifestasi daripada keinginan epistemik umat untuk keluar daripada dominasi epistemologi Barat. Namun, apabila reaksi defensif ini gagal membezakan antara kritikan terhadap epistemologi sekular Barat dengan penilaian terhadap keberkesanan mekanisme kuarantin, ia akhirnya tergelincir ke dalam perangkap relativisme yang mengaburkan asas rasional, maslahat dan kebenaran sejagat dalam pengurusan wabak.

Di sini, Khodja menawarkan jalan keluar bagi dilema yang menatijahkan dua bentuk reaksi yang tidak tepat. Reaksi pertama ialah penerimaan mekanisme Barat secara melulu sehingga andaian epistemologi sekular yang mengiringinya turut diserap, manakala reaksi kedua ialah penolakan total terhadap mekanisme Barat kerana ia dikaitkan dengan identiti penjajah dan tradisi bukan Islam. Kedua-dua reaksi ini muncul daripada kekeliruan menempatkan letak duduk epistemologi dan mekanisme pada posisinya yang sebenar. Penghujahan “*Ithāf*” dalam menanggapi

hal ini melangkaui perbahasan teologi atau fiqh untuk menjustifikasi amalan kuarantin. Khodja sebenarnya mengemukakan diagnosis terhadap kekeliruan ilmu dalam masyarakat Muslim ketika berdepan dengan mekanisme sains kolonial. Kekeliruan itu berlaku apabila epistemologi dan mekanisme dilonggokkan sekali sehingga membawa konotasi bahawa apabila epistemologi suatu-satu tradisi itu bercanggah dengan epistemologi Islam, maka mekanisme yang lahir daripadanya serta-merta tertolak. Bagi Khodja, kekeliruan semacam ini akan mencetuskan kemudharatan dalam skala massa, yakni kematian dan kemusnahan yang diakibatkan oleh wabak. Justeru, pemikir seperti Khodja cuba memulihkan penaakulan keagamaan umat agar pengiktirafan terhadap tradisi ilmu Barat tidak menawan epistemologi Islam, sementara apa sahaja bentuk sentimen tidak menghambat pertimbangan kritis.

Pun demikian, penghujahan Khodja dalam isu kebolehlaksanaan mekanisme Barat ini hanya meleraikan satu sisi dilema umat. Timbul pula dilema susulan yang lebih bersifat struktural, bahawa meskipun umat Islam telah pun berupaya memahami perbezaan asas antara epistemologi dan mekanisme Barat, namun hegemoni kuasa-kuasa kolonial ke atas mekanisme pencegahan wabak di wilayah-wilayah Islam telah memerangkap umat Islam supaya tunduk di bawah dominasi mereka. Sejarah menunjukkan bahawa dominasi ini seringkali memperalat dasar kesihatan awam untuk mencabar dan menghakis autoriti epistemologi Islam. Dengan kata lain, sekalipun dilema dalaman umat tentang kebolehlaksanaan mekanisme Barat dan pemeliharaan epistemologi Islam berjaya dileraikan, namun di sana masih wujud faktor luaran berupa campur tangan kuasa kolonial yang menjadikan mekanisme pencegahan wabak sebagai instrumen untuk mencabar epistemologi Islam. Kekeliruan epistemologi mungkin dapat dikawal kerana berlegar dalam diri umat sendiri, namun hegemoni kuasa kolonial jauh lebih sukar ditangani kerana melibatkan intervensi entiti asing yang memiliki wewenangnya ke atas umat Islam. Faktor luaran inilah yang menjadi tumpuan subtopik berikutnya menerusi teks kajian yang kedua.

4.2 Cabaran Epistemologi Susulan Pengadaptasian Mekanisme Barat dalam teks “*The Cholera and Hagar’s Well at Mecca*” (1883)

Ikhtisar daripada perbahasan sebelumnya memaparkan penghujahan pemikir Muslim terhadap kekeliruan umat terkait soal persempadanan antara epistemologi dan mekanisme ketika mendepani wabak. Pencerahan tersebut berperanan penting dalam menanggapi konflik dalaman umat terhadap tradisi Barat. Timbul pula konflik luaran apabila pengoperasian mekanisme yang lahir daripada epistemologi sekular dan mekanistik itu turut membawa implikasi epistemik yang menggugat epistemologi Islam. Epistemologi Islam yang sedaya upaya dipelihara sepanjang pelaksanaan mekanisme Barat itu alih-alih dicabar pula oleh hegemoni kuasa kolonial yang mengawal selia dasar kesihatan awam di wilayah Islam. Bagi memperhalusi persoalan ini, analisis dijalankan terhadap dokumen surat-menyurat berjudul “*The Cholera and Hagar’s Well at Mecca*” oleh Donkin et al. (1883) untuk menyingkap bagaimana kuasa kolonial menggunakan autoriti sains untuk mentakrifkan realiti umat Islam, merendahkan simbol sakral mereka dan memperluas campur tangan dalam urusan kesihatan awam demi kepentingan tertentu.

Dokumen oleh Donkin et al. (1883) ini memuatkan surat-menyurat dan laporan berkaitan dakwaan pencemaran air telaga Zamzam sebagai punca penularan wabak kolera semasa musim haji pada tahun 1881. Dakwaan utama yang dikemukakan di dalamnya ialah bahawa air Zamzam mengandungi unsur pencemaran najis haiwan serta bahan kimia seperti nitrat, klorin dan ammonia. Selaku penguji sampel air Zamzam, Dr. Frankland mendakwa bahawa cecair daripada telaga tersebut mengandungi bahan-bahan buangan berunsurkan haiwan sebanyak enam kali ganda lebih tinggi berbanding kandungan air kumbahan di London (Donkin et al., 1883: 256). Jika dibaca tanpa konteks, dakwaan ini mungkin tampak objektif dalam memaparkan sebuah laporan saintifik

tentang kualiti dan pencemaran air. Namun apabila ia dibaca dalam konteks penghasilannya yang didanai oleh institusi kesihatan kolonial, struktur hujahnya memperlihatkan hubungan yang erat antara data makmal, autoriti pakar, retorik sanitasi dan kepentingan imperial British.

Masalah pertama dalam dokumen ini terletak pada proses pembentukan dakwaan saintifik itu sendiri. Menurut Sariyıldız (1966), siasatan lanjut yang dijalankan oleh beberapa pakar epidemiologi Uthmaniyah mendapati bahawa sampel air Zamzam yang diuji di London itu tidak menunjukkan ciri air Zamzam yang tulen, antaranya adalah disebabkan tahap kemasinannya yang sangat tinggi sehingga menyerupai air laut. Hal yang lebih bermasalah adalah, sampel air Zamzam itu tidak didapatkan sendiri oleh Dr. Frankland selaku penguji sampel tersebut, sebaliknya diperoleh melalui sumber ketiga yang dipersoalkan status integritinya (Sariyıldız, 1966). Rantai persampelan semacam ini tidak dapat dipertanggungjawabkan menerusi lunas-lunas saintifik yang sah. Hal yang penting untuk diketengahkan di sini sudah tentu bukanlah pada isu penggunaan analisis kimia sebagai mekanisme pemeriksaan kualiti air. Analisis kimia merupakan suatu kaedah empirikal yang memiliki nilai saintifik dan diiktiraf umum. Perkara yang bermasalah di sini adalah pada cara mekanisme tersebut digunakan dalam jaringan kuasa kolonial yang cenderung memilih-milih data tertentu untuk membina naratif yang berkepentingan buat mereka.

Di sini, persempadanan antara mekanisme dan epistemologi dapat diuji menerusi polemik yang lebih rumit. Dalam “*Ithāf*”, Khodja mengiktiraf mekanisme pencegahan wabak sambil menolak pemutlakan sebab tabii, sementara dalam teks Donkin et al. (1883) pula, cabarannya bergerak lebih jauh kerana mekanisme saintifik itu sendiri menerjah masuk ke dalam medan kuasa. Gaya pendokumentasian di sebalik dakwaan saintifik ini mengesahkan hujah Açıkgenç (2014) bahawa setiap saintis membawa bersama pandangan alam mereka ke dalam makmal, sementara prosedur saintifik yang dijalankan sangat bergantung kepada falsafah pengetahuan dan epistemologi yang melatari kegiatan tersebut. Ini bermakna, jaringan kuasa kolonial yang juga terdiri daripada para ilmuwan perubatan turut menggunakan ujian makmal, analisis kimia dan penerbitan laporan perubatan untuk memenuhi tuntutan motif, agenda dan kepentingannya yang tersendiri ke atas wilayah jajahan. Ekosistem ini kesemuanya digerakkan oleh ‘*scientific conceptual scheme*’ kolonial, seperti yang diulas oleh Açıkgenç (1996) sebelumnya. ‘*Scientific conceptual scheme*’ ini turut mendorong kuasa kolonial untuk mengemukakan andaian tertentu tentang dunia Islam, misalnya wilayah Islam digambarkan tidak bersih, institusinya dianggap tidak cekap, sementara simbol sakral Muslim seperti air Zamzam dilihat hanya melalui lensa materialistik yang terasing daripada makna asalnya. Mekanisme saintifik yang pada asalnya berfungsi untuk menguji kualiti air berubah menjadi apparatus epistemik yang merombak dan mencabar cara umat Islam memahami sesuatu yang diimani sebagai kudus semisal air Zamzam. Situasi ini secara beransur-ansur mencabar epistemologi Islam itu sendiri.

Unsur pejoratif dalam teks Donkin et al. (1883), secara langsung telah menyah-keramatkan air Zamzam dengan cara menanggalkan makna rohani dan nilai metafizik yang wujud padanya zaman-berzaman, persis proses ‘*disenchantment of nature*’ yang dihuraikan oleh al-Attas (1978). Dalam konteks ini, kedudukan sakral air Zamzam dalam tradisi Islam telah dicabar melalui istilah seperti “*animal matter*”, “*strong London sewage*”, “*dead bacteria*”, serta “*abominable and dangerous pollution*” (Donkin et al., 1883: 256–257) sehingga ia tampak hanya sebagai objek kimia yang tercemar atau sekadar ‘jirim yang bergerak’ (*matter in motion*), seperti yang disinggung oleh Nasr (1994). Teks itu juga menyebut bahawa kawasan di sekitar Mekah dipenuhi dengan bahan najis melalui frasa seperti “*surcharged with excrementitious matter*” sementara air telaga Zamzam disifatkan sebagai “*an efficient collector of the poison*” (Donkin et al., 1883: 256–257). Perbandingan yang ditonjolkan bahawa air Zamzam merupakan bahan cecair yang lebih kotor daripada kandungan air kumbahan di London turut memiliki unsur pejoratif, kerana sesuatu yang kotor di Barat itu digambarkan seolah-olah

‘lebih bersih’ daripada sesuatu yang dianggap suci dalam Islam. Perbandingan ini sekaligus mengukuhkan naratif bahawa ruang ibadah bagi umat Islam memerlukan disiplin sanitasi Barat. Kesemua unsur pejoratif ini meninggalkan kesan epistemiknya terhadap khalayak umum dengan cara menggubah fakta pencemaran untuk menghasilkan kesan jijik, rendah dan bahaya terhadap simbol kesucian dalam Islam serta mencabar elemen metafiziknya.

Strategi retorik ini diperkukuh pula melalui penegasan kedudukan pakar sebagai sumber autoriti. Sejarar dengan gagasan Said (1978) bahawa sains berfungsi sebagai medan kuasa untuk mengawal dan menguruskan Timur melalui autoriti ilmu, hal ini terjelma menerusi pensabitan autoriti Dr. Frankland, yang digambarkan oleh Dyer sebagai “*who probably has greater experience than any man living in the investigation of potable water*” (Donkin et al., 1883:256). Yang dipersoalkan di sini bukanlah tentang status kepakaran Dr. Frankland, tetapi pada cara kepakaran tersebut digunakan dalam teks untuk memberi wibawa saintifik terhadap naratif kolonial tertentu. Dakwaan ini kemudiannya memperoleh legitimasi melalui penerbitan dalam platform jurnal perubatan berprestij, *The Lancet*. Gabungan antara himpunan nama-nama pakar, kewibawaan mereka, istilah-istilah saintifik dalam kajian makmal serta platform penerbitan yang berprestij semakin mengukuhkan dakwaan tersebut meskipun proses persampelannya dipertikaikan. Elemen-elemen ini merupakan bentuk penjajahan epistemik yang dilakukan melalui pembinaan dan penguasaan naratif, kerana kesannya tidaklah setampak penjajahan yang beralatkan senjata dan kekerasan.

Dakwaan pencemaran air Zamzam ini juga perlu dibaca dalam konteks geopolitik kolonial abad ke-19. British ketika itu berhadapan dengan kecaman masyarakat antarabangsa terhadap jemaah haji dari India yang sering dikaitkan sebagai pembawa wabak kolera ke Hijaz (McNeill, 1976; Roff, 1982). Selain menafikan isu tersebut, dakwaan pencemaran air Zamzam ini dilihat berfungsi sebagai naratif balas untuk mengalihkan beban kecaman ke atas pentadbiran kolonial British di India kepada *Dawlah Uthmaniyah* selaku Penjaga Dua Kota Suci (*Khādim al-Haramain*) merangkap pentadbiran pusat bagi wilayah Hijaz. Air Zamzam diposisikan sebagai pembawa risiko wabak, sementara pentadbiran Uthmaniyah digambarkan seolah-olah gagal menguruskan krisis wabak semasa musim haji. Walaupun isu kecekapan Uthmaniyah dalam hal ini turut mengundang perbahasan, namun sudut penting yang dikemukakan di sini adalah tentang bagaimana naratif itu digunakan oleh kuasa British untuk mengawal persepsi antarabangsa dan mengalihkan tekanan politik dan moral ke pundak kuasa yang lain. Strategi British ini senada dengan hasil analisis Low (2008; 2015) bahawa pengawasan Kesihatan dalam urusan pengerjaan haji amat berhubung rapat dengan kepentingan British terhadap masyarakat Islam di wilayah jajahan, laluan geopolitik dan kebimbangan terhadap Pan-Islamisme.

4.3 Sintesis Perbandingan

Jika dibaca bersekali dengan inti penghujahan dalam “*Ithāf*”, teks Donkin et al. (1883) memperlihatkan sisi lanjutan bagi dilema umat yang telah dihuraikan oleh Khodja. Masalah tidak terhenti pada upaya menuntaskan sama ada pengoperasian mekanisme pencegahan wabak oleh Barat itu berkesan atau tidak, ataupun sama ada ia sejajar dengan tujuan syariah atau sebaliknya. Teks Donkin et al. (1883) menunjukkan bahawa cabaran epistemologi dalam pengurusan wabak abad ke-19 tidak hanya muncul daripada kelemahan internal umat Islam dalam (i) memahami hubungan antara sebab tabii dan kehendak Ilahi, serta (ii) membezakan antara identiti pembawa mekanisme, manfaatnya serta epistemologi yang mendasarinya. Cabaran itu juga datang daripada struktur kuasa luar yang menggunakan autoriti sains untuk mencabar epistemologi Islam dan menguasai pergerakan umat Islam. Jika upaya menuntaskan hal (i) dan (ii) tersebut cuba dijayakan di bawah tampuk kolonialisme, maka dilema persempadanan antara epistemologi dan mekanisme masih sahaja terperangkap dalam kitaran yang sama. Situasi ini diibaratkan seperti pengamal

perubatan yang mengetahui manfaat sesuatu alat rawatan serta mampu membezakannya daripada visi institusi yang menguasai penggunaannya. Namun selagi mana alat, prosedur dan keputusan rawatan berada di bawah kawalan institusi tersebut, manfaat teknikal alat itu tetaplah beroperasi dalam kerangka kuasa yang sama. Demikianlah keupayaan membezakan antara manfaat mekanisme dan epistemologi yang mengiringinya masih belum memadai sekiranya mekanisme tersebut beroperasi di bawah struktur kuasa kolonial. Maka, jalan keluar daripada dilema ini menuntut pembinaan kerangka onto-epistemologi dan autoriti kesihatan yang lebih mandiri.

Adapun kegiatan melakukan refleksi historis menerusi teks sejarah seumpama ini, pada hemat pengkaji, merupakan jalan yang perlu ditempuh menuju pemerolehan '*al-hikmah*', yang diperikan oleh al-Attas (2022:13) sebagai, "*sesuatu yang melengkap- sempurnakan ilmu, dengan memperkenalkan kepada diri akan batas kegunaan dan had ma'nawi pengetahuan serta pengenalan diri terhadap sesuatu perkara*". Dalam konteks meleraikan dilema umat, 'batas kegunaan' dalam pemerian al-Attas ini kiranya merangkumi pertimbangan kritis terhadap batas pengadapsian mekanisme pencegahan wabak yang dipelopori oleh Barat, sementara 'had ma'nawi' pula mencakupi penilaian kritis terhadap dasar epistemologi yang mendasari mekanisme tersebut menerusi benteng epistemologi dalaman yang terbina utuh dalam tradisi Islam. Peranan '*al-hikmah*' inilah yang memungkinkan umat Islam untuk meleraikan dilema berpanjangan saat terhimpit di persimpangan antara mengadaptasi mekanisme Barat dan mempertahankan epistemologi Islam, khususnya ketika berhadapan dengan krisis wabak. Pada hujungnya, mekanisme Barat itu diadaptasi hanyalah untuk memperelok pucuk peradaban dan bukanlah merubah ganti tegak kukuh akar epistemologinya.

5.0 KESIMPULAN

Persoalan pokok dalam isu pengadaptasian mekanisme Barat bagi memutuskan rantaian wabak adalah terdiri daripada dua perkara, iaitu (i) asas epistemologi sekular yang melatari mekanisme tersebut, serta (ii) hegemoni epistemik Barat ke atas dunia Islam yang menaungi pengoperasian mekanisme tersebut. Meskipun perkara pertama telah dileraikan persempadannya oleh pemikir Islam semisal Hamdan Khodja melalui justifikasi kebolehlaksanaan mekanisme Barat secara bersyarat, namun perkara kedua merupakan konsekuensi struktural yang tidak terelakkan oleh umat Islam, khususnya dalam konteks kolonialisme abad ke-19. Dakwaan pencemaran air Zamzam menunjukkan bahawa pengadaptasian mekanisme Barat merupakan suatu rundingan epistemologi yang sarat dengan isu legitimasi, autoriti dan persilangan identiti. Pengadaptasian mekanisme Barat tanpa kerangka konseptual yang mandiri justeru mengundang penjajahan epistemik ke atas umat Islam, waima persempadanan antara soal epistemologi dan mekanisme telah pun dileraikan secara akliah. Akibatnya, umat Islam terus terperangkap dalam kitaran dilema asal, iaitu sama ada ingin menolak mekanisme Barat secara total atau menerima mekanisme tersebut bersekali dengan pandangan alamnya. Menyedari akan hakikat bahawa usaha mengharmonikan perkara (i) dan (ii) sebagai hal yang tidak berdaya laksana, maka jalan keluarnya terletak pada pembangunan autoriti kesihatan yang lebih mandiri bertunjangan kerangka onto-epistemologi Islam seterusnya berinteraksi dan berdaya saing dengan hegemoni sains dan teknologi Barat. Dengan kerangka mandiri ini, posisi umat Islam akan berganjak daripada hanya sebagai konsumer kepada aktor utama yang mengendalikan krisis kesihatan awam berdasarkan acuan epistemik serta praktik yang sejajar dengan pandangan alamnya yang tersendiri.

Penghargaan

Sekalung penghargaan dirakamkan kepada Biasiswazah UTMNexus atas sokongan penajaan yang diberikan sepanjang tempoh pengajian pengkaji sehingga memungkinkan makalah ini dihasilkan. Ucapan terima kasih turut dirakamkan kepada Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universitas

Nusa Bangsa (UNB) atas penganjuran ‘The 5Th International Seminar On Government And Civilization’ (ISOGOC-V) sebagai platform untuk pengkaji membentangkan gagasan awal makalah ini dalam bentuk kertas kerja pada tanggal 2 September 2025.]

Konflik Kepentingan

Penulis dengan ini mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan dengan penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Açıkgenç, A. (1996). *Islamic science: Towards a Definition*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Açıkgenç, A. (2014). *Islamic Scientific Tradition in History*. Kuala Lumpur: Penerbit Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Al-‘Azm, S. J. (1981). *Orientalism and orientalism in reverse*. *Khamsin: Journal of the Revolutionary Socialists of the Middle East*, 8, 5–26.
- Al-Attas, S. M. N. (1978). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Al-Attas, S. M. N. (2014a). *Prolegomena to the metaphysics of Islam: An exposition of the fundamental elements of the worldview of Islam*. Johor Bahru: UTM Press.
- Al-Attas, S. M. N. (2014b). *Risalah Untuk kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: IBFIM.
- Al-Attas, S. M. N. (2022). *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam*. Kuala Lumpur: Ta’dib International.
- Al-Faruqi, I. R. (1982). *Al-Tawhid: Its implications for thought and life*. International Institute of Islamic Thought.
- Alatas, S. H. (1972). The captive mind in development studies. *International Social Science Journal*, 24(1), 9–25.
- Alatas, S. H. (1974). The captive mind and creative development. *International Social Science Journal*, 26(4), 691–700.
- Alatas, S. H. (2000). Intellectual imperialism: Definition, traits, and problems. *Southeast Asian Journal of Social Science*, 28(1), 23–45.
- Alatas, S. H. (2024). *Imperialisme Intelektual: Pengertian, Ciri-Ciri, Dan Masalah*. Lestari Hikmah.
- Conrad, L. I. (1992). Epidemic disease in formal and popular thought in early Islamic Society. In T. Ranger & P. Slack (Eds.), *Epidemics and Ideas: Essays on the Historical Perception of Pestilence* (pp. 77–100). chapter, Cambridge: Cambridge University Press.
- Donkin, H., Thiselton-Dyer, W. T., Frankland, E., & Enfield. (1883). The cholera and Hagar’s well at Mecca. *The Lancet*, 122(3128), 256–257.
- Foucault, M. (1980). *Power/Knowledge, Selected Interviews and Other Writings 1972-1977*. New York: Pantheon Books.
- Foucault, M. (2008). The birth of biopolitics: Lectures at the Collège de France, 1978-79 (M. Senellart, Ed.; G. Burchell, Trans.). Palgrave Macmillan.
- Imam, I. A. F. (2000). Epistemologi: Satu perbincangan awal (M. K. Hj Ab Majid, Terj. & Ed.). *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 1(1), 55–70.
- Ivry, A. L. (1974). *Al-Kindi’s metaphysics: A translation of Ya’qub ibn Ishaq al-Kindi’s treatise "On First Philosophy" (fi al-Falsafah al-Üla)*. State University of New York Press.
- Khodja, H. ibn ‘Uthmān. (1252/1836). *‘Ithāf al-Munsifin wa al-Udabā’ bi-Mabāhib al-Ihtirāz ‘an al-Wabā’*”. Dār al-Ṭibā‘ah al-Sulṭāniyyah. <https://gallica.bnf.fr/ark:/12148/btv1b110019621>.

- Low, M. C. (2008). “Empire And The Hajj: Pilgrims, Plagues, And Pan-Islam Under British Surveillance, 1865–1908,” *International Journal of Middle East Studies*, 40(2), 269-290.
- Low, M. C. (2015). *The mechanics of Mecca: The technopolitics of the late Ottoman Hijaz and the colonial hajj*, [Doctoral dissertation, Columbia University].
- McNeill, W. H. (1976). *Plagues and Peoples*. New York: Anchor Books.
- Nasr, S. H. (1976). *Man and Nature, The Spiritual Crisis of Modern Man*. London: George Allen & Unwin Ltd.
- Nasr, S. H. (1994). *Religion and the Order of Nature*. New York: Oxford University Press.
- Özdiñç, R. (2024). Osmanlı dinî modernleşmesinin öncülerinden Hamdan Hoca ve İthâf. *Mevzu Sosyal Bilimler Dergisi (Journal of Social Sciences)*, 12, 101–130.
- Ranke, L. von. (1887). *History of the Latin and Teutonic nations from 1494 to 1514* (P. A. Ashworth, Trans.). George Bell & Sons. (Karya asli diterbitkan 1824).
- Roff, W. R. (1982). Sanitation and security: The imperial powers and the nineteenth century Hajj. *Arabian Studies*, 6(1), 143–160.
- Said, Edward. (1978). *Orientalism*. New York: Pantheon Books.
- Sarıyıldız, G. (1966). *Hicaz Karantina Teşkilatı, 1865–1914*. Ankara: Türk Tarih Kurumu Bası.
- Sayyid, S. (2003). *A fundamental fear: Eurocentrism and the emergence of Islamism*. London: Zed Books.
- Varlık, Nükhet. (2017). “Oriental Plague” or Epidemiological Orientalism? Revisiting the Plague Episteme of the Early Modern Mediterranean.” In. *Plague and Contagion in the Islamic Mediterranean*, disunting oleh Nükhet Varlık, 57-88. Amsterdam: ARC Humanities Press.
- White, Alexandre I. R. (2023). *Epidemic Orientalism, Race, Capital, and the Governance of Infectious Disease*. California: Stanford University Press.